



Gemilang Anugerah Buku Negara 2017

ISSN 1675-2139




9 771675 213002

Penerbit UMT
Promosi
di Riyad

RV Discovery
meriahkan
LIMA 2017

**TERKINI
DI PASARAN**



RM57.00

Pengarang : Noraien Mansor
Tahun Terbit : 2017
Terbitan : Penerbit UMT
Harga : RM57.00

RUMAH KOMUNITI RAKYAT TERBELA mendokumentasikan satu projek khas yang dicanaikan oleh YB Dato' Seri Idris bin Jusoh untuk membantu tempat perteduhan golongan miskin secara percuma di Besut, Terengganu. Menyaksikan keperluan rumah orang miskin menjadi agak serius, beliau tampil dengan satu hasrat murni untuk membantu mereka melalui kolaborasi kepakaran pendidikan tinggi dengan komuniti setempat. Maka lahirlah hasrat murni melakarkan transformasi untuk menjadi realiti...RUMAH KOMUNITI".



RM89.00

Pengarang : Shamsul Bahri Abd Razak
Mokhtar Ishak
Tahun Terbit : 2017
Terbitan : Penerbit UMT
Harga : RM89.00

BUKU REPOSITORY KELULUT INDO-MALAYA SEKAYU ini mengetengahkan keindahan dan kepelbagaiannya Kelulut Indo-Malaya yang terdapat di koleksi Sekayu, Terengganu. Terdapat 76 spesies kelulut dalam kumpulan kelulut Indo-Malaya yang direkodkan. Koleksi di Sekayu merupakan sebahagian daripada spesimen hidup yang dipamerkan untuk tatapan orang ramai. Buku yang berwarna ini memberi gambaran jelas tentang kehidupan kelulut Indo-Malaya di koleksi Sekayu. Penulis dan jurugambar telah berjaya mengabadikan kehidupan kelulut ini dengan indah sekali di dalam buku ini.

Sidang Redaksi

Penaung

YBhg. Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar

Ketua Pengarang

YH Dato' Prof. Madya Dr. Noraien Mansor

Editor

Mohd Afifullah Ahmad

Pembaca Pruf

Mohd Azlan Mohd Putra

Shafarina Abu Bakar @ Abdullah

Pereka Grafik

Mohd Fadli Abdullah

Jurufoto

Krew Media Kreatif



Randungan

- 6 Anugerah Buku Negara
Penyuntik Pemartabatan Bidang Penerbitan
- 9 UMTMOOC dan Studio e-Pembelajaran Dilancar
- 10 RV Discovery Meriahkan LIMA 2017
- 12 UMT Anjur Karnival Keusahawanan Kerjaya dan Kemahiran Belia Negara
- 14 Penerbit UMT Sekali Lagi Hoskan
Anugerah MAPIM-KPT 2016
- 16 Profesor Dr. Mazlan Abd. Ghaffar Dilantik
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMT
- 18 Selusuri Kegemilangan PPSA
- 20 Lensa Memori
- 22 Penerbit UMT Sertai
Riyadh International Book Fair 2017
- 25 UMT Hargai Pengamal Media
- 26 Ekspedisi Iktiofauna Malaysia Timur
Libatkan Jaringan Antarabangsa Malaysia - Taiwan
- 28 PPPPM Lecturers Received
Australian International Grant
- 30 Lima Hari Hasilkan Kek Mega
- 32 SVYE Usaha Sosial Dua Negara
- 33 Program Kitar Semula dan Pengasingan
Sisa Pulau Redang
- 34 UMT Rapati Komuniti J3K Parlimen Besut
- 35 KIK Cetus Daya Inovasi
- 36 Pelajar PPSTM Beri Saingan di MIFT 10th National
Food Science & Technology Competition
- 37 Inovasi Bubu Pelajar PPSPA
- 38 Kor SUKSIS UMT Menyinar di Seminar Kor SUKSIS
UA Kebangsaan
- 39 Renungan

Secangkir Kata

Assalamualaikum WBT. , Salam Sejahtera, Salam Perpaduan, Salam Sehati Sejiwa, Salam Negaraku

*Ku orak langkah demi langkah
 Dengan hati yang tabah
 Mendepani setiap musibah
 Mendakapi anugerah demi anugerah
 Sabar menanti gah
 Redha..tanpa noktah
 Syukur..nikmat Allah*

(Noraien Mansor, 10 Mei 2017)

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah Yang Maha Esa, INFOKUS UMT edisi Jun 2017 kembali berbicara menemui pembaca setia. Kali ini kita fokuskan kepada hasil usaha Majlis Penerbitan Imiah Malaysia (MAPIM) dan usaha-usaha ke arah memartabatkan industri perbukuan di Malaysia. Majlis Anugerah MAPIM-KPT dan Majlis Anugerah Buku Negara menjadi tonggak pemartabatan bidang penerbitan di Malaysia yang mewarnai Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2017 selain daripada penyertaan MAPIM dalam Pesta Buku Antarabangsa Riyadh di Arab Saudi sebagai tetamu kehormat. Penghormatan yang diberikan kepada Malaysia membuktikan pengiktirafan di peringkat global untuk para Penerbit di Malaysia.

Justeru, pena harus ditarikan... usaha harus dipergiatkan... ilmu harus disebarluaskan... sokongan padu harus dilaksanakan... penerbitan harus dimartabatkan agar ilmu yang bermanfaat sentiasa mengalir dalam masyarakat demi kelestarian kehidupan di dunia dan di akhirat. Insya-Allah.



DATO' PROFESOR MADYA DR. NORAIEN MANSOR

Sekapur Sirih

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam sejahtera, Salam 1 Malaysia, Salam 1 UMT dan Salam Sehati Sejiwa.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurniaNya Buletin INFOKUS Edisi Jun 2017 ini berjaya diterbitkan. Mengambil kesempatan ini saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua yang memberi sumbangan idea berkarya. Didoakan agar semua warga kampus berada dalam keadaan sihat sejahtera dan diberkati Allah SWT bersempena dengan bulan Ramadan yang mulia ini. Semoga kita semua berada dalam keberkatan. Insya-Allah.

Sesungguhnya harapan saya agar penerbitan Buletin INFOKUS ini berupaya mencetuskan anjakan paradigma dalam diri warga UMT untuk menajamkan kemahiran menulis dan berkarya. Mengambil keberkatan bulan Ramadan ini, saya menyarankan agar kita semua mengimarahkan serta membudayakan ekosistem berkarya dan menulis terutamanya dalam kalangan warga akademik mahupun kumpulan pengurusan dan profesional. Ini adalah selari dengan Pelan Strategik UMT 2013-2017 dalam memacu Teras Pemindahan Ilmu yang dapat diterjemahkan menerusi penulisan.

Dalam konteks menghasilkan sumber manusia mahir dan berkualiti, universiti perlu mencari pendekatan berinovasi bagi membangun bakat manusia yang berprestasi tinggi. Ini bukan sahaja daripada perspektif ilmu dan kemahiran berkomunikasi, tetapi meliputi aspek pandangan hidup, keupayaan berfikir dan menyelesaikan masalah, serta sikap yang positif dan proaktif.

Di kesempatan ini juga saya mengambil peluang mengucapkan tahniah dan syabas kepada Penerbit



UMT atas kejayaan penganjuran Majlis Anugerah MAPIM – KPT 2016 serta kejayaan gemilang UMT merangkul empat Anugerah Buku Negara dalam Majlis Anugerah Buku Negara 2017 baru-baru ini.

Saya amat percaya UMT berada di atas landasan tepat untuk mencapai kejayaan berdasarkan kepada segala perancangan yang terkandung di dalam Buku Amanat Tahun Baharu Naib Canselor 2017. Untuk itu, UMT juga dalam proses pembentukan sebuah pelan strategik yang mantap bagi tempoh tahun 2018-2022. Akhir kata, saya mengucapkan Selamat Menyambut Bulan Ramadan Tahun 1438 Hijrah kepada semua warga UMT.

Sekian.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah
Wassalamualaikum waramatullahi wabarakatuh.


PROFESOR DATUk DR. NOR AIENI HAJI MOKHTAR



Anugerah Buku Negara

Penyuntik Pemartabatan Bidang Penerbitan

oleh: Dato' Profesor Madya Dr. Noraien Mansor
Pengarah, Penerbit UMT





Semangat juang yang kental, tabah serta berani mendakap sebarang cabaran, diiringi doa dan tawakal kepada Allah SWT, saya bawa bersama dalam memartabatkan bidang penerbitan di Universiti Malaysia Terengganu. Amanah yang dipertanggungjawabkan disahut dengan keikhlasan bekerja yang menjadi tonggak utama dalam falsafah pentadbiran demi mendepani pelbagai cabaran dan dugaan, namun keredhaan menyulam ketenangan dan kejayaan.

Bermula pada tahun 2013 dengan kemenangan Anugerah Perdana (Kategori Buku Mewah Terbaik) *Terbitan Khas Tuanku Canselor Tuanku Nur Zahirah*, 2014 Anugerah Buku Umum Terbaik (Kategori Khazanah Warisan) *Keropok Lekor Terengganu*, Penerbit UMT terus mengorak langkah dalam usahanya memberi sumbangan kepada dunia penerbitan negara dan masyarakat melalui bahan penyelidikan dan ilmiah berkualiti. Pada tahun 2015 Penerbit UMT menerima

1 Prof. Dato' Dr. Mohd Tajuddin Abdullah meraih anugerah menerusi Kategori Industri bagi Buku Zoologi Terbaik.

2 Dato' Prof. Madya Dr. Noraien Mansor merangkul anugerah Buku Biografi Terbaik Pentadbiran dalam Kategori Industri.

3 Muhammad Hafiz Sulaiman dan Dr. Chong Ju Lian membawa pulang anugerah Buku Ilmiah Terbaik yang dipertandingkan dalam Kategori Pengajian Tinggi.

4 Prof. Dr. Mazlan Abd Ghaffar dan Dr. Ying Giat Seah menggondol anugerah Buku Terjemahan Terbaik bagi Kategori Pengajian Tinggi.

Anugerah Buku Umum Terbaik (Kategori Alam Semula Jadi) *Mud Crabs of Setiu Wetlands* dan pada 2016 Anugerah Industri Buku (Kategori Seni Reka Terbaik) *Masjid Ulul Albab*.

2017 melakarkan sejarah kecemerlangan buat Penerbit UMT apabila berjaya menggondol empat kategori Anugerah Buku Negara 2017 sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2017. Kemenangan pada tahun ini adalah hasil usaha berterusan Penerbit UMT dalamusaha menerbitkan buku ilmiah berimpak tinggi untuk bacaan golongan akademik mahupun umum selaras dengan Dasar Buku Negara (DBN) serta Transformasi Nasional 2050 (TN50). Pada tahun ini, Penerbit UMT menggondol dua anugerah dalam Kategori Pengajian Tinggi iaitu Buku Ilmiah Terbaik (*Tenggiling Sunda Khazanah Alam Malaysia – Pengarang Muhammad Hafiz Sulaiman & Chong Ju Lian*) dan Buku Terjemahan Terbaik (*Ikan Lut Sinar – Pengarang Ying Giat Seah & Mazlan Abd Ghaffar*) dan dua anugerah diperoleh melalui Kategori Industri iaitu Buku Zoologi Terbaik (*Evolusi dan Biogeografi Mamalia Malaysia – Pengarang Mohd Tajuddin Abdullah*) serta Buku Biografi Terbaik Pentadbiran (*Tan Sri Samsudin Osman: Demi Perkhidmatan Awam dan Negara Kerana-Nya Jua – Pengarang Noraien Mansor*).

Buku Zoologi Terbaik yang dimenangi oleh Prof. Dato' Dr. Mohd Tajuddin Abdullah mendokumentasikan penemuan baharu dan pencapaian sains sepanjang 30 tahun penglibatan beliau dalam kajian bersama para pelajar dan penyelidik-penyelidik bersekutu. Buku 'Tan Sri

Samsudin Osman Demi Perkhidmatan Awam dan Negara Kerana-Nya Jua' memaparkan persona Tan Sri Samsudin Osman sebagai pentadbir penuh pengalaman sepanjang perkhidmatan beliau untuk negara. Bagi Buku Ilmiah Terbaik, 'Tenggiling Sunda Khazanah Alam Malaysia' Kumpulan Penyelidikan Tenggiling UMT, berpegang kepada prinsip "ilmu adalah senjata yang paling ampuh", mendokumentasikan beberapa aspek berkaitan tenggiling dalam buku ini sebagai salah satu usaha mendidik masyarakat dan generasi akan datang supaya lebih menghargai khazanah alam di Malaysia. Naskhah 'Ikan Lut Sinar' oleh Ying Giat Seah dan Mazlan Abd Ghaffar pula diberi pengiktirafan sebagai Buku Terjemahan Terbaik yang merupakan terjemahan daripada bahasa Mandarin terbitan National Museum of Marine Biology and Aquarium (NMMBA), Taiwan.

Kemenangan Anugerah Buku Negara mencalitkan satu penghormatan yang tidak ternilai harganya dan sudah pasti akan menjadi dorongan dan penyuntik semangat kepada Penerbit UMT untuk terus menerbitkan buku ilmiah berkualiti tinggi dan memartabatkan bidang penerbitan di Universiti Malaysia Terengganu. Sokongan padu daripada pengarang, pihak pengurusan tertinggi universiti dan Kementerian Pendidikan Tinggi amat kami hargai dan sanjung tinggi. Semoga usaha murni kita bersama akan terus memberi manfaat kepada masyarakat dan negara demi pembangunan generasi berilmu dan berwawasan. Insya-Allah.

UMTMOOC dan Studio e-Pembelajaran Dilancarkan

oleh: Prof.Madya Dr. Noraida Haji Ali
Pusat Perancangan, Pembangunan dan Kualiti Akademik



UMTMOOC dan studio e-Pembelajaran, UMT secara rasminya telah dilancarkan pada 1 Februari 2017 oleh Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi, sempena berlangsungnya Persidangan Antarabangsa Pengajaran dan Pembelajaran Pengajian Tinggi (ICTLHE 2017) di UMT. MOOC merupakan satu kaedah pembelajaran yang ditawarkan secara atas talian sepenuhnya dan boleh diakses di seluruh dunia.

Pembangunan UMTMOOC telah dipertanggungjawabkan sepenuhnya kepada Bahagian e-Pembelajaran, Pusat Perancangan, Pembangunan dan Kualiti Akademik. UMT merupakan universiti pertama dalam kalangan universiti awam di Malaysia yang menerapkan teknologi Realiti Tambahan (AR) dalam pembangunan *Massive Open Online Course* (MOOC) di bawah jenama UMTMOOC sejak tahun 2015.

Studio e-Pembelajaran pula mula dibangunkan pada tahun 2015 seiring dengan pembangunan kursus *Massive Open Online Course*. Sepanjang tahun 2016, studio e-pembelajaran telah menerima kunjungan dari beberapa agensi luar seperti Tentera Laut Diraja Malaysia, Kolej al-Quran Terengganu dan Kolej Matrikulasi Pahang.

Dalam majlis yang sama, turut disampaikan penghargaan kepada semua pensyarah dan kumpulan teknikal yang terlibat dengan pembangunan UMTMOOC sepanjang 2015 dan 2016. Turut diselitkan, penyampaian Anugerah Penyampai Terbaik UMTMOOC 2015 dan 2016 yang dimenangi oleh Dr. Aqilah Mohammad dari PPSMS dan Dr. Noordiyana Mat Nordin dari PPSPA. Pembelajaran secara maya menerusi UMTMOOC bakal mengembangkan lagi jenama UMT di peringkat global. Semua kursus UMTMOOC boleh dilayari melalui pautan openlearning.com/umtmoooc.

RV Discovery meriahkan LIMA 2017

oleh: Bahagian Komunikasi Korporat
Pusat Komunikasi Korporat



Segmen maritim sempena Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi (LIMA 2017) dimeriahkan dengan kehadiran kapal RV Discovery. UMT yang menyertai LIMA buat pertama kalinya mengetengahkan aset utama ini yang digunakan untuk tujuan penyelidikan, pengajaran serta pembelajaran. Berlangsung pada 21 hingga 25 Mac, LIMA 2017 menjadi platform dalam menghimpunkan pemain industri dan pemegang taruh dalam sektor ketenteraan, maritim dan aeroangkasa.

Pameran yang terbesar di rantau Asia Pasifik ini menyaksikan UMT merupakan satu-satunya universiti awam yang mengambil bahagian bersama-sama 16 pempamer lain di Pavilion Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) bertempat di Resorts World Langkawi. UMT juga mengadakan sesi Bicara Kerjaya pada 23 dan 24 Mac 2017 yang memberarkan ahli akademik yang juga merupakan pakar dari UMT untuk membincarkan isu dan hala tuju kerjaya serta gambaran keseluruhan mengenai bidang ‘Ilmu Kelautan’ yang menjadi bidang tujuan UMT selain daripada pameran saintifik dan hasil-hasil penyelidikan dan pelayaran.

Kemuncak penyertaan UMT dalam LIMA 2017 kali ini adalah sesi pertukaran dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) antara UMT dengan MOT. Rentetan daripada MoU

ini, pelbagai kerjasama dalam bidang berkaitan maritim atas dasar kesaksamaan dan faedah bersama bakal diadakan seperti pembangunan penyelidikan berdasarkan bidang berkaitan maritim, pembangunan pelajar dan kemajuan kerjaya, penempatan latihan industri, pertukaran maklumat dan sumber, promosi bersama bagi penerbitan dan komunikasi ilmiah lain, program pembangunan khas kepada pegawai MOT untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang maritim serta hal-hal lain yang berkaitan dari semasa ke semasa.

Pembukaan rasmi LIMA 2017 disempurnakan oleh Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC). UMT merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pertahanan Malaysia dan Kementerian Pengangkutan Malaysia atas jemputan untuk menyertai LIMA 2017. Ini membuka peluang kepada UMT untuk membina hubungan kerjasama dengan industri dalam bidang penyelidikan marin dan maritim. Penonjolan UMT dalam pameran akan memberikan gambaran khusus kepada industri bahawa UMT merupakan universiti yang melahirkan graduan dalam bidang marin dan maritim,” ujar Prof. Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar, Naib Canselor UMT selepas majlis perasmian.

1



2



1 Keberadaan kapal RV Discovery di LIMA 2017 membuka peluang kepada para pengunjung merasai sendiri pengalaman berada dalam kapal penyelidikan ini.

2 Sesi pertukaran memorandum persefahaman antara UMT dan MOT disaksikan oleh Menteri Pengangkutan Malaysia, Dato' Sri Liow Tiong Lai.

UMT anjur Karnival Keusahawanan Kerjaya dan Kemahiran Belia Negara

oleh: Tengku Nuriah Tengku Abdul Halim
Kolej Siswa

Bersempena Ulang Tahun ke-15, UMT telah menganjurkan Karnival Keusahawanan, Kerjaya dan Kemahiran Belia Negara (3KBN@UMT) bagi mempromosi peluang kerjaya dan keusahawanan khususnya kepada graduan universiti, belia serta komuniti setempat bagi meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan.

Bermula pada 18 Mac 2016, Karnival yang berlangsung selama tiga hari ini turut dijayakan oleh Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), agensi tempatan, swasta, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Pusat Keusahawanan dari universiti awam di Malaysia.

Naib Canselor UMT, Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Mokhtar berkata, melalui program itu, rakyat Terengganu khususnya graduan dan belia berpeluang meningkatkan kemahiran di samping menjadi salah satu medium eko-pendidikan untuk

mempromosikan negeri Terengganu sempena 'Visit Beautiful Terengganu 2017'.

"Pelbagai program dan aktiviti yang dijalankan seperti pameran kerjaya, sesi temuduga bersama industri, pertandingan usahawan perantis termasuklah gerai jualan dan *food truck* yang menyediakan pelbagai makanan menarik untuk pengunjung," katanya ketika merasmikan program itu bertempat di Dewan Sultan Mizan, UMT.

Beliau turut berkata, UMT melalui Pusat Keusahawanan dan Kerjaya serta kerjasama Pusat Pengajian telah merangka strategi dan program untuk pelajar bagi memenuhi objektif yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.

Perasmian penutup karnival ini disempurnakan oleh Dato' Rozi Mamat, Pengurus Jawatankuasa Belia dan Sukan, Sumber Manusia Negeri Terengganu.





1 Dato' Rozi Mamat melawat reruai sempena perasmian 3KBN@UMT.

2 Para pencari kerja membuat pendaftaran pekerjaan secara atas talian.

3 Pemeriksaan kesihatan dan pergigian turut disediakan secara percuma sepanjang karnival berlangsung.

Penerbit UMT sekali lagi hoskan Anugerah MAPIM-KPT 2016

oleh: Mohd Afifullah Ahmad
Penerbit UMT



Setelah kecemerlangan penganjuran pada tahun sebelumnya, Penerbit UMT sekali lagi diberi mandat untuk menganjurkan Anugerah MAPIM-KPT 2016. Bertepatan dengan Tahun Melawat Terengganu 2017, penganjuran majlis anugerah pada tahun ini dibawa ke negeri Terengganu dan berlangsung di Duyong Convention Centre, Duyong Marina and Resort Terengganu pada 29 April 2017.

Kehangatan era 60-an disinarkan kembali dalam Anugerah MAPIM-KPT 2016 menerusi persembahan

dari kumpulan Persadatari, Pusat Kebudayaan dan Kesenian UMT dengan rangaian lagu-lagu yang mengimbau kenangan zaman tersebut. Anugerah MAPIM-KPT 2016 merupakan antara anugerah berprestij tertinggi peringkat kebangsaan bagi mengiktiraf hasil karya ilmiah penulis, editor dan pereka dalam kalangan anggota Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM).

Perasmian disempurnakan oleh Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia, Dato' Seri Idris bin Jusoh. Turut hadir ialah Prof. Dr. Raha binti Abdul Rahim, Pengarah



Bahagian Kecemerlangan IPT mewakili Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi. Kehadiran YB Menteri Pendidikan Tinggi disambut dengan paluan kompang dan persembahan silat oleh siswa dan siswi UMT.

Dalam majlis yang sama, turut diserikan dengan pelancaran buku-buku terbitan anggota MAPIM. Konsep akuatik diterjemahkan sewaktu pelancaran ini menerusi buku kalis air yang diletakkan dalam sebuah akuarium. Dato' Seri Idris bin Jusoh kemudian menandatangani buku tersebut sebagai simbolik pelancaran.

Anugerah MAPIM-KPT 2016 menyaksikan Universiti Sains Malaysia menggondol 3 hadiah utama dan satu hadiah penghargaan, manakala Dewan Bahasa dan Pustaka meraih satu hadiah utama dan satu hadiah penghargaan. Universiti Putra Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia masing-masing membawa pulang satu hadiah utama. Seramai tujuh orang penerima mendapat Anugerah Sanjungan Budi yang dianugerahkan kepada mantan teraju penerbitan yang tamat perkhidmatan pada tahun 2016.

1 Menteri Pendidikan Tinggi menyempurnakan pelancaran buku dengan menandatangani buku kalis air.

2 Persembahan pembukaan dari Kumpulan Persadatari mengembalikan nostalgia era 60-an.

3 Menteri Pendidikan Tinggi menyampaikan hadiah kepada pemenang anugerah.

**Profesor Dr.
Mazlan Abd. Ghaffar
dilantik**

Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)
UMT

oleh:
Dato' Profesor Madya Dr. Noraien Mansor
Penerbit UMT



Kecemerlangan dalam bidang penyelidikan di peringkat nasional dan antarabangsa telah memberi laluan yang mudah kepada Profesor Dr. Mazlan Abd. Ghaffar untuk diberi kepercayaan menerajui Universiti Malaysia Terengganu sebagai Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi. Dekan Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur ini mula berkhidmat di UMT semenjak tahun 2014.

Profesor Dr. Mazlan Abd. Ghaffar memulakan kerjaya sebagai pensyarah dalam tahun 1989. Beliau

adalah graduan Sarjana Muda Sains dari Universiti Putra Malaysia (1985), Sarjana Sains dari University of Newcastle (1988) dan Doktor Falsafah dari University of Wales (2001). Fokus bidang penyelidikan beliau merangkumi *Climate Change and Resiliency in Estuarine Fishes, Bio-Physiology and Digestion in Fishes, Dynamic Energy Budget in Air Breathing Fishes* dan *Fish and Fisheries Sciences*.

Profesor Dr. Mazlan Abd. Ghaffar berpengalaman luas dalam bidang pentadbiran dan juga pernah memegang jawatan sebagai Timbalan

Dekan Fakulti Sains dan Teknologi UKM, Pengerusi Program UKM dan Ketua Program Sains Laut dan Ketua Jabatan Sains Laut UKM.

Beliau amat disenangi oleh warga Universiti Malaysia Terengganu dengan perwatakan yang mesra dan mudah berbicara dalam mengendalikan pelbagai tugas. Sidang redaksi mengucapkan sekalung tahniah kepada Profesor Dr. Mazlan Abd. Ghaffar di atas pelantikan tersebut dan berharap agar tumpuan penyelidikan dan inovasi UMT akan lebih meningkat dan lebih cemerlang di persada nasional dan global.

Selusuri Kegemilangan PPSA

oleh: Dr. Khairul Anuar Mat Amin
Pusat Pengajian Sains Asas

Mulai tahun 2017, Pusat Pengajian Sains Asas (PPSA) berhasrat untuk menggerakkan hala tuju fokus terhadap penyelidikan translasional yang dilihat dapat memberi lebih perhatian kepada program dan aktiviti yang memberi manfaat kepada komuniti, menyelesaikan masalah negara serta memberi impak kepada isu global.

Atas hasrat itulah, PPSA mengambil inisiatif bagi mempromosikan peranan Pusat Pengajian Sains Asas (PPSA) dalam menjalankan penyelidikan serta pengajaran dan pembelajaran. PPSA buat julung kalinya telah menganjurkan program Menelusuri Kegemilangan Pusat Pengajian Sains Asas pada 8 Mac 2017 bertempat di Dataran PPSA. Murid-murid dari sekolah berdekatan UMT turut sama memeriahkan program ini bersama-sama komuniti luar kampus.

Program yang dirasmikan oleh Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar ini juga turut



mempamerkan hasil penyelidikan yang dijalankan oleh pensyarah PPSA khususnya yang memiliki nilai komersial. Turut berlangsung, penyerahan produk pembalut luka yang dihasilkan oleh kumpulan penyelidikan Dr. Khairul Anuar Mat Amin kepada syarikat tempatan yang akan meneruskan ujian klinikal sebelum ianya boleh dipasarkan.

Selari dengan tema "Minda Sains Minda Bestari", kefahaman

dan minat masyarakat terutamanya murid sekolah terhadap dunia sains dicetus menerusi pelbagai aktiviti dan program secara interaktif dan menarik. Antara pengisian program yang dijalankan adalah sesi Bicara Ikon PPSA, forum inspirasi pelajar PPSA, eksperimen pembuatan seramik, penyediaan ekstrak DNA strawberi, penyediaan ubat gigi gergasi, dan penyediaan spesimen kulur Mikrob.



2



1



3

1 Penyerahan produk pembalut luka untuk dikomersialkan oleh syarikat tempatan.

2 Naib Canselor UMT melengkapkan mural yang dihasilkan oleh pelajar PPSA.

3 Para pelajar sekolah didedahkan dengan eksperimen menarik dari pelajar Sains Kimia, Pusat Pengajian Sains Asas.

1



2



4



5



7



8



9





1. 2 April 2017 – Pengurusan tertinggi UMT melawat projek ternakan udang di kolam LKIM Kg. Fikri, Setiu.

2. 11 April 2017 - Program mobiliti akademik melibatkan pelajar dari Heriot Watt University, United Kingdom berkunjung ke Setiu Wetlands.

3. 21 Mac 2017 - Dato' Sri Liow Tiong Lai menandatangani buku pelawat ketika berkunjung ke reruai UMT di Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi (LIMA 2017).

4. 26 Mac 2017 - Pelajar UMT bersama trofi kemenangan dalam Anugerah Tokoh Siswa 2016 yang berlangsung di Universiti Teknologi Malaysia.

5. 5 April 2017 - Prof. Dr. Mazlan Abdul Ghaffar melog masuk pada hari pertama selepas dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) baharu UMT.

6. 7 Mei 2017 - Naib Canselor dan kumpulan penyelidik UMT serta UTM melakukan lawatan ke tapak lokasi projek pembangunan Sistem Rawatan Air Nyahgaram di Kg. Pantai Senok, Tawang, Jajahan Bachok.

7. 9 Mei 2017 - Persembahan Dikir Barat oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni serta Pusat Kesihatan Universiti mewarnai Program Perhimpunan Warga (Gerak Ceria) Mei 2017.

8. 12-13 April 2017- Penyelidik Akuartrop menyertai Minggu Penyelidikan dan Inovasi 2017 yang telah berlangsung di Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu Kampung Laut, Chendering.

9. 7 Mei 2017 - Prof. Dr. Mohd Lazim Abdullah dipakaikan jubah akademik sempena majlis syarahan inaugural beliau yang berlangsung di Auditorium PSNZ.

10. 6 Mei 2017 - Peserta Pertandingan Akhir Choral Speaking peringkat kebangsaan Piala Naib Canselor UMT memberikan persembahan penuh bertenaga. Pertandingan julung kali diadakan ini adalah bersempena dengan World Ocean Week 2017.



MALAYSIA




MALAYSIA

Guest of Honour

Riyadh International Book Fair

2017



Penerbit UMT sertai Riyadh International Book Fair 2017

oleh: Rabil Sitta Abdul Rahman
Penerbit UMT

Hasrat Penerbit UMT untuk menyebarluaskan pasaran penerbitan ke peringkat global tercapai apabila diberikan peluang menyertai Riyadh International Book Fair 2017 (RIBF 2017) yang telah diadakan pada 8 hingga 17 Mac 2017 bertempat di Pusat Konvensyen dan Pameran Antarabangsa Riyadh, Arab Saudi. Malaysia menjadi negara ASEAN pertama yang diundang oleh kerajaan Arab Saudi sebagai Negara Tetamu Kehormat di RIBF 2017. Pemilihan sebagai Negara Tetamu Kehormat ini merupakan cerminan hubungan erat antara kedua-dua negara dari segi politik, ekonomi, budaya dan pelancongan.

Penerbit UMT diwakili oleh Pengarah Penerbit UMT, Dato' Prof. Madya Dr. Noraien Mansor yang bukan sahaja membawa bersama nama Penerbit UMT ke Timur Tengah malah turut membawa nama negeri Terengganu Darul Iman sempena Visit Beautiful Terengganu 2017. Penyertaan Dato' Prof. Madya Dr. Noraien Mansor sebagai duta kecil kerajaan negeri Terengganu adalah dalam usaha mempromosi negeri Terengganu di samping bahan penerbitan Penerbit UMT yang berunsur warisan negeri Terengganu. Beliau telah membawa buku Keropok Lekor Terengganu (English Edition) untuk dipromosi di pasaran negara Timur Tengah.



Menteri Pendidikan Malaysia ketika ditemu bual oleh media tempatan.

Penyertaan delegasi Malaysia telah diketuai oleh Menteri Pendidikan Malaysia, Dato' Seri Mahdzir Khalid. Sebanyak 19 Penerbit Malaysia telah menyertai RIBF 2017, mereka terdiri daripada Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Berhad (ITBM) sebagai penyelaras delegasi, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Majlis Kebangsaan Buku Malaysia, Perbadanan Kota Buku, penerbit-penerbit Universiti Awam (UA) termasuk UMT dan juga penerbit swasta. Delegasi Penerbit Malaysia ini telah membawa 517 judul buku termasuk e-buku.

Pavilion Malaysia di RIBF 2017 dibuka secara rasminya oleh Menteri Penerangan dan Kebudayaan Arab Saudi, Dr. Adel Zaid al-Toraifi dan Menteri Pendidikan Malaysia, Dato' Seri Mahdzir Khalid di acara yang berlangsung di Pusat Konvensyen dan Pameran Antarabangsa Riyadh (RICEC). Acara pembukaan turut diserikan dengan persembahan tarian zapin oleh pelajar Sekolah Seni Johor (SSJ) serta penyerahan potret Raja Salman hasil ilustrasi pelukis cilik berbakat besar Naim Hamid Hamidin dari sekolah yang sama.

Pavilion yang berkeluasan 72 meter persegi bertema "Pembaca Muda: Projek Masa Depan Tanpa Batasan" (*Young Reader: Limitless Future Project*), mengetengahkan konsep rak buku yang diilhamkan daripada pokok sebagai simbolik aktiviti pembacaan yang perlu dibaja supaya terus membesar sehingga memberikan pulangan pada masa hadapan. Ia selari dengan "Visit Saudi 2030" yang membabitkan modal insan cemerlang generasi muda hari ini, antaranya melalui usaha menggalakkan budaya membaca dalam kalangan kanak-kanak.

Berikut petikan ulasan delegasi Malaysia di RIBF 2017:

- Penyertaan kali pertama Malaysia di Riyadh International Book Fair (RIBF) 2017 selaku Negara Tetamu Kehormat boleh disifatkan sebagai paling berjaya berbanding pengalaman sepanjang menyertai gelanggang pesta buku antarabangsa, baik dari aspek komitmen delegasi peserta, sambutan audiens/pengunjung terhadap penerbitan dan aktiviti di Pavilion Malaysia, potensi urus niaga, layanan tuan rumah dan liputan media (Malaysia serta Arab Saudi).



- Delegasi 19 syarikat penerbit Malaysia berjaya menghasilkan lebih RM1 juta potensi nilai urus niaga membabitkan kerjasama penerbitan, terjemahan dan pemindahan teknologi baharu dalam bidang hiliran dan industri berkaitan.
- Daripada 500 judul buku yang dipamerkan, hampir 300 judul telah terjual, khususnya koleksi judul karya bacaan kanak-kanak dalam bahasa Inggeris.
- Delegasi negara juga dalam pertemuan dengan lima penerbit utama Arab Saudi pada Rabu, 15 Mac 2017 turut dimaklumkan Presiden Persatuan Penerbit Arab Saudi, Ahmad Fahed Al Hamdan, bahawa Malaysia pada pandangan mereka adalah Negara Tetamu Kehormat RIBF terbaik sejak ia dianjurkan 10 tahun lalu. Pendekatan Malaysia katanya berbeza, kerana negara lain hanya mempromosikan

1 Pengarah Penerbit UMT, Dato' Prof. Madya Dr. Noraien Mansor (kanan sekali) bersama delegasi wanita yang lain di hadapan kedutaan Malaysia di Riyad.

2 Delegasi Malaysia turut mengadakan kunjungan hormat di kedutaan Malaysia di Riyad.

3 Antara brosur pelancongan Terengganu yang dibawa ke RIBF 2017.

bahan penerbitan, berbanding Malaysia yang datang dengan pakej lengkap berserta tema khas (Pembaca Muda: Projek Tanpa Sempadan) yang turut sama mempromosi budaya serta aktiviti hiliran berkaitan buku.

- Dengan sambutan baik yang diterima daripada penyertaan kali pertama ini, Malaysia akan menimbang jemputan Arab Saudi untuk mengambil bahagian dalam RIBF 2018, sekaligus tampil lebih bersedia dengan konsep, misi dan strategi lebih baik. Berdasarkan pengalaman kali ini, kita dapat melihat pasaran besar dalam industri buku Arab Saudi. Generasi mudanya ‘kehauan’ bahan atau kandungan moden yang mesejnya tidak disampaikan secara dogmatik, sebaliknya memilih kandungan dalam konsep menghibur dan di luar kotak, tetapi pada masa sama berkesan dalam fungsi menyampaikan mesej.

UMT Hargai

Pengamal Media

oleh: Bahagian Komunikasi Korporat
Pusat Komunikasi Korporat



Bagi menghargai para pengamal media atas sumbangan dan kerjasama yang erat dengan UMT, Pusat Komunikasi Korporat (PKK) UMT telah menganjurkan Majlis Apresiasi Media (MAM) 2017 bertempat di Primula Beach Hotel Kuala Terengganu.

Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu, Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Hj. Mokhtar dalam ucapan beliau berkata, penganjuran majlis ini merupakan salah satu bentuk penghargaan dari UMT bagi menzahirkan rasa penghargaan dan terima kasih kepada semua pengamal media di Malaysia amnya, dan Terengganu khususnya, atas siaran dan terbitan berita tentang UMT di dada akhbar, kaca TV dan corong radio di samping memelihara kerjasama strategik antara UMT dengan pengamal media.

Sepanjang 2016, sebanyak 317 liputan media cetak dan 33 liputan media elektronik telah direkodkan yang membabitkan liputan majlis-majlis utama Universiti di

samping pelbagai aktiviti dan hal-hal ehwal semasa yang berlaku di dalam dan luar kampus UMT.

Sempena MAM 2017, turut diadakan Anugerah Gerbang Pena 2017 yang merupakan signifikan kepada usaha UMT dalam menghargai sumbangan sahabat-sahabat media sepanjang tahun 2016. Anugerah ini mempertandingkan 27 kategori di samping tiga kategori dalam iaitu Anugerah Gerbang Kampus, Anugerah Laman Facebook PTj Terbaik dan Anugerah Laman Web PTj Terbaik bagi menghargai usaha Pusat Tanggungjawab (PTj) dalam UMT memperkasa dan mempromosikan UMT serta satu Anugerah Khas Juri.

MAM 2017 dirasmikan oleh Presiden Kelab Wartawan Terengganu (KAWAT), En. Ayub Mamat. Turut dirasmikan dalam majlis berkenaan, logo sambutan UMT 15 Tahun dan pengisian sambutan bakal dilaksanakan sepanjang tahun 2017 dengan pelbagai acara dan program yang telah dirancang.

Ekspedisi Iktiofauna Malaysia Timur Libatkan Jaringan Antarabangsa Malaysia - Taiwan

oleh: Dr. Seah Ying Giat dan Dr. Tun Nurul Aimi Mat Jaafar
Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur

Jarak perjalanan sejauh 3,216 kilometer dan memakan masa selama 27 hari. Itulah yang harus ditempuhi oleh para penyelidik dalam Ekspedisi Iktiofauna Malaysia Timur. Ekspedisi ini menghimpunkan sekumpulan penyelidik dari universiti tempatan dan penyelidik Taiwan yang mewakili National Museum of Marine Biology and Aquarium (NMMBA) dan Global Sciaenidae Conservation Network (GSCN). Penyelidik Taiwan yang terlibat adalah Prof. Dr. Ning Labbish Chao, Prof. Madya Dr. Chih-Wei Chang dan Prof. Dr. Meng-Hsein Chen.

Susulan dari Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani oleh Naib Canselor UMT dengan National Museum of Marine Biology and Aquarium (NMMBA) pada tahun 2015, kedua-dua pihak sejak itu giat menjalankan penyelidikan bersama khususnya dalam kajian ikan gelama.

Penyelaras GSCN, Prof. Dr. Ning Labbish Chao berhasrat mengkaji ikan gelama dengan lebih mendalam bersama dengan penyelidik Malaysia. Untuk itu, ekspedisi yang bermula dari Tawau dan berakhir di Kuching ini bertujuan untuk merekodkan spesies-spesies ikan yang dapat



disampulkan di pasar-pasar ikan dan juga jeti-jeti pendaratan ikan di Sabah dan Sarawak.

Bermula pada 22 Februari hingga 20 Mac 2017, ekspedisi ini terbahagi kepada tiga fasa iaitu fasa 1 yang melibatkan pantai timur Sabah (Tawau, Kunak, Lahad Datu, Sandakan, Beluran, Pitas dan Kudat), fasa 2 yang melibatkan pantai barat Sabah (Kota Belud, Tuaran, Kota Kinabalu, Papar, Kuala

Penyu dan Sipitang), dan fasa 3 melibatkan Sarawak (Lawas, Miri, Bintulu, Sibu, Sarikei, Sri Aman dan Kuching).

Ekspedisi ini mendapat kerjasama dari Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang menjadi pemudah cara untuk memberi bantuan dan kerjasama yang sewajarnya berkaitan lokasi persampelan dan juga sebagai perantara kepada nelayan tempatan.



3

1 Prof. Dr. Chao dan Prof. Dr. Chen teruja melihat ikan gelama Panna peramatus buat pertama kalinya.

2 Pensampelan spesimen ikan di longgokan ikan baja.

3 Ahli ekspedisi memproses spesimen ikan yang diperoleh.

PPPPM Lecturers Received Australian International Grant

by: Dr. Noor Fadhiha Mokhtar
School of Maritime Business and Management



The Australia-ASEAN research partners representatives.

Two faculty members from the School of Maritime Business and Management (PPPPM) has received an international grant; the Australia-ASEAN Academic Partnerships for Small Business and ICT Knowledge Transfer Grant, supported by the Australian Government through the Australia-ASEAN Council (AAC), Department of Foreign Affairs and Trade (DFAT). The project is a multi-country collaboration between Victoria University (Australia), Universiti Malaysia Terengganu (Terengganu), Mahidol University International College (Thailand) and De La

Salle University (Philippines). Representing Universiti Malaysia Terengganu are Dr. Noor Fadhiha Mokhtar as a project leader, and co-researcher Dr. Kalsitinoor Set. The project started in January 2017 and will expect to be completed by end of December 2017 with a total value of AUD 77,123.

The main objective of this project is to initiate collaboration between the universities in Australian and ASEAN countries in the use of information and communications technology (ICT) by small businesses. People-to-people connections will be established across four

universities, enabling a forum to promote knowledge transfers that will encourage and focus on programs that highlight the value of modern ICT when used by small operators. An important outcome will be to foster ongoing collaboration between participating universities and the incorporation of ICT and small business elements into their academic research, training programs and doctoral supervision within their local region.

The series of workshops started with an intensive five days knowledge transfer workshop which was held in Melbourne, Australia. The



Australian intensive workshop content included seminars, industry speakers and business visits. This first workshop is to provide an intensive knowledge transfer to all Australia - ASEAN Academic Partnerships for Small Business and ICT Knowledge Transfer Grant's research partners that informs how to best create training content for small business, build research groups and foster doctoral student interests relating to small business use of ICT.

This was followed by the second series one day workshop, hosted at Universiti Malaysia Terengganu (UMT) on April 20, 2017 with the

participation of 25 UMT academics. The Malaysian workshop was honoured by the presence of Ms. Viviane Mouait, the second secretary of the Australian High Commission Kuala Lumpur as a DFAT representative. Two industry guest speakers from Nysakapas as well as Ping Anchorage Travel and Tours were invited to share their wonderful stories related to the use of ICT and their passion in the businesses.

The third series of the workshop will be held on May 26, 2017 in Thailand and June 23, 2017 in the Philippines. The project's outcomes will contribute to

further establish Australia as a quality research and education provider to the ASEAN area by engaging with academics in that region to foster and promote opportunities, as well as to develop academic research and training programs focusing on the digital needs of small firms. The project will allow a collaborative bilateral partnership to be established between Victoria University and the other ASEAN universities including UMT that will extend beyond the proposed time frame of the project.

Lima Hari Hasilkan Kek Mega

oleh: Fadlina Binti Yusof dan Siti Nur'afifah Jaafar
Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan



Penat lelah selama 5 hari ternyata berbaloi buat kakitangan makmal Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan (PPSTM) apabila berjaya menyiapkan sebuah kek bersaiz mega. Menggunakan 112 biji telur, 5.6 kilogram tepung gandum dan 7 kilogram mentega, kek ini dipersembahkan kepada Naib Canselor dan seluruh warga UMT ketika Majlis Amanat Naib Canselor 2017 yang diadakan pada 16 Februari lalu.

Menariknya, sentuhan dekorasi kek yang mencakah 26 kilogram ini adalah bercirikan bidang tujuan UMT yang memaparkan kapal RV Discovery

sebagai tarikan utama. Diperisakan dengan rasa bluberi dan kiwi, tema Ocean Discovery diserahkan dengan penggunaan pelbagai elemen dekorasi termasuklah ‘buttercream’, ‘sugar paste’ dan ‘edible image’.

Penghasilan kek ini diilhamkan oleh Pusat Komunikasi Korporat UMT dan telah direalisasikan oleh sembilan orang kakitangan makmal PPSTM iaitu Faridah Mohd. Isa, Nor Azni Yunos, Suhana Muhamad Hanidun, Suzana Mat Saad, Nik Mohd 'Aqil Nik Pa, Zamani Mohamed, Fadlina Yusof, Ahmad Azman Abdul Malik dan Nawang Husin. Proses pembuatan kek ini menggunakan sepenuhnya kelengkapan makmal PPSTM.





1 Logo UMT pada kek dihasilkan dari cetakan pewarna gred makanan di atas lapisan yang diperbuat dari kanji dan gula yang dikenali sebagai edible image.

2 Pes gula (sugarpaste) digunakan untuk menghasilkan aneka dekorasi berbentuk hidupan laut.

3 Proses susun atur kek bagi menghasilkan kek bersaiz besar.

SVYE

Usaha Sosial Dua Negara

oleh: Muhammad Syahrurizan Abdul Rashid
Institut Penyelidikan Kenyir



Qwork, sebuah syarikat usaha sosial yang menggabungkan pelbagai kemahiran generasi kini bekerjasama dengan Malaysia Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC), Asian Development Bank (ADB), Urban Youth Academy (UYA), Asia School of Business dengan kerjasama MIT Sloan (ASB-MIT), Hanyang University (HYU), Leaders in Industry-University Cooperation (LINC) serta institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia untuk membantu dan memberi inspirasi kepada para belia agar mampu mewujudkan sebuah usaha sosial berteraskan keusahawanan melalui program ‘Social Venture Youth Exchange’.

Program selama tujuh hari yang bermula pada 27 Februari 2017 ini melibatkan belia dari Korea dan Malaysia telah diadakan bagi memberi inspirasi kepada para belia untuk melancarkan pertubuhan sosial mereka sendiri berlandaskan tiga matlamat pembangunan mapan yang ditetapkan oleh Sustainable Development Goal, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (SDG-UN) yang telah dikenal pasti sesuai untuk dijalankan di negara kita. Tiga SDG tersebut adalah kemiskinan sifar, pendidikan berkualiti dan pembangunan ekonomi.

Pelajar pasca siswazah dari Institut Penyelidikan Kenyir, UMT telah dihantar untuk belajar dan berkongsi bakat

dan pengetahuan mereka bersama golongan muda yang lain. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang program tersebut termasuklah ‘Social Venture Bootcamp’ dan lawatan kemasyarakatan yang merupakan usaha penglibatan sosial yang bertumpu di sekitar bandar Kuala Lumpur seperti di Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur, Projek B Café, Sentul dan GOLD (Generating Opportunities for Learning Disabled), Bandar Sunway. Selain itu, perbincangan bersama panel jemputan dengan usahawan sosial daripada Qwork Malaysia, Biji-biji Initiatives, Batik Boutique, Earth Heir dan Grub Cycle serta ASB-MIT MakerFest dan lawatan lapangan di sekitar mercu tanda di Putrajaya.

Program Kitar Semula dan Pengasingan Sisa Pulau Redang

oleh: Dr. Siti Aisyah Saat
Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi

Selaras dengan konsep Transformasi Terengganu Baharu yang diperkenalkan oleh kerajaan negeri Terengganu, amalan 3R (Recycle, Reduce, Reuse) diterapkan dalam kalangan komuniti pulau dengan berlangsungnya Program Kitar Semula dan Pengasingan Sisa di Kg. Baru Pulau Redang bermula pada 31 Mac 2017.

Program ini dianjurkan oleh Solid Waste Corporation (SWCorp) dengan kerjasama Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dan Universiti Malaysia Terengganu. Program komuniti ini bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kesedaran kepada masyarakat setempat khususnya komuniti

yang mendiami Pulau Redang tentang amalan 3R dan mengurangkan sisa pepejal ke tapak pelupusan seterusnya memupuk sikap tanggungjawab dalam memastikan persekitaran yang bersih.

Seramai 1,000 orang penduduk kampung telah mengambil bahagian dan turut disertai oleh sepuluh orang pelajar daripada program Polisi dan Sekitaran Sosial, Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi (PPPSE) di ketuai oleh Dr. Siti Aisyah Saat. Para pelajar turut menimba pengalaman dan pengetahuan tentang aspek penjagaan alam sekitar terutama pengurusan sisa pepejal yang lestari khususnya di pulau peranginan.

Beberapa aktiviti telah dijalankan sepanjang tiga hari program tersebut antaranya adalah kempen kitar semula, pembersihan Pantai Teluk Dalam, pertandingan pengumpulan barang kitar semula, pertandingan rumah tercantik dan demonstrasi proses pengasingan sisa di punca. Program seumpama ini adalah penting untuk melahirkan warga universiti yang bertanggungjawab serta menjadi pemangkin kepada agensi kerajaan dan swasta dalam merealisasikan sesuatu program yang berkait rapat dengan pembangunan dan kesejahteraan komuniti setempat.



Operasi pembersihan Pantai Teluk Dalam, Kampung Baru Pulau Redang.

UMT Rapati Komuniti J3K Parlimen Besut

oleh: Tengku Nuriah Tengku Abdul Rahman
Kolej Siswa



Lonjakan 3 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015-2025, iaitu Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat dizahirkan oleh UMT dengan usaha bersama UniSZA melalui program pembangunan modal insan khususnya kepada Pengerusi J3K. Program yang dikenali sebagai S4B Kepimpinan Pengerusi J3K telah berlangsung di Dewan Auditorium, UniSZA Kampus Besut telah disempurnakan oleh Datuk Haji Abdul Halim bin Jusoh, Setiausaha Politik kepada Menteri Pendidikan Tinggi.

Program *collegiality and collaboration* (keserakahan dan kerjasama) antara universiti awam dan kerajaan negeri ini diadakan adalah bertujuan untuk memberi penerangan secara holistik mengenai peranan Pengerusi

J3K dalam membantu kerajaan untuk melahirkan masyarakat yang berilmu dan beramal. Di samping itu juga, ianya dapat mengeratkan hubungan kerjasama strategik antara universiti dan komuniti.

Perkongsian strategik ini telah berjaya mengumpul hampir 120 orang Pengerusi dari segenap kampung di Parlimen Besut. Mereka diberikan penerangan dan maklumat mengenai peranan anak bangsa yang dikenali sebagai Firdaus 2050. Firdaus 2050 merupakan hasrat Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia, Dato' Seri Idris bin Jusoh, untuk melahirkan lebih ramai pelajar dan graduan yang mempunyai kriteria yang bercirikan Firdaus selaras dengan aspirasi Transformasi Nasional 2050 (TN50).

KIK Cetus Daya Inovasi

oleh: Mohd Shahrul Zanudin
 Siti Aisyah Mohammad Taupik
 Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan, UMT

Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) merupakan landasan untuk kakitangan sokongan Universiti Awam (UA) menzahirkan kebolehan berinovasi dan berkreativiti dalam usaha meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan universiti masing-masing. Konvensyen KIK Universiti Awam diadakan hampir pada setiap tahun dan diimbau kembali, pada tahun 2016 Universiti Malaysia Terengganu telah dipilih untuk menjadi tuan rumah bagi edisi ke-12 konvensyen tersebut.

Bagi kumpulan AKAR dari Pusat Pengajian Sains & Teknologi Makanan (PPSTM), peluang dan kepercayaan yang diberikan bagi mewakili UMT dalam konvensyen itu sangat bermakna bagi setiap anggota kumpulan. AKAR merupakan singkatan daripada perkataan Aplikasi Ke Arah Revolusi dan dianggotai seramai enam orang iaitu Mohd Shahrul Zanudin sebagai ketua kumpulan dan ahlinya Tuan Mohd Najwa Fuad Tuan Man, Mazlan bin Kasim, Siti Aisyah Mohammad Taupik, Siti Nor Shamimi Mat Nasir dan Muhammad Syahrun Mohd Alwi.

Di bawah naungan Dekan PPSTM, kumpulan AKAR telah mewakili UMT menerusi kategori teknikal berbasarkan permasalahan pembajaan tanaman yang berlaku di Makmal Penyelidikan Luar, PPSTM. Pemasalahan tersebut dikenal pasti dengan pelbagai kaedah dan teknik KIK serta dipilih bersesuaian dengan keperluan kursus dan saranan pengurus program.

Pelbagai cadangan penyelesaian masalah diutarakan oleh ahli-ahli kumpulan sehinggalah tercetusnya idea menghasilkan alat yang diberi nama F-JECT. Seumpama alat picagari yang berfungsi memberi ubat secara terus ke salur darah, maka alat yang direka ini akan memberi baja terus ke zon pengakaran. Singkatan daripada Fertilizer Injection, kebaikan penggunaan F-JECT ini mampu menabur baja dengan mudah dan



Ahli kumpulan AKAR berkongsi kejayaan bersama Naib Canselor.

cepat serta baja dapat diagihkan secara tepat ke zon pengakaran tanaman sekaligus mengurangkan pembaziran. Dari segi ergonomik alat ini dapat mengurangkan keletihan pengguna kerana hanya perlu berdiri semasa menggunakan.

Hasil inovasi tersebut, kumpulan AKAR telah mengharumkan nama UMT dengan memperoleh penarafan Pingat Emas dan anugerah Inovasi terbaik bagi kategori teknikal dalam Konvensyen KIK Universiti Awam kali ke-12. Kemenangan itu melayakkan kumpulan AKAR beraksi di Konvensyen Team Excellence Wilayah Pantai Timur 2016 dan sekali lagi berjaya meraih anugerah penarafan EMAS bagi kategori teknikal.

Seterusnya kumpulan AKAR telah terpilih untuk menyertai Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC) 2016 peringkat kebangsaan yang telah diadakan pada 25 hingga 27 Oktober 2016 bertempat di Putrajaya International Convention Centre (PICC). Kumpulan AKAR telah berjaya merangkul penarafan Emas 3 Bintang iaitu tahap tertinggi dalam penganugerahan berkenaan, yang turut disertai oleh 54 agensi lain termasuk daripada sektor awam, swasta dan perlilangan dari seluruh negara. Pencapaian yang telah dicapai oleh kumpulan AKAR dalam konvensyen KIK ini diharapkan dapat membakar semangat kepada kakitangan-kakitangan sokongan lain untuk mengikuti jejak langkah tersebut bagi mengharumkan nama UMT di persada dunia.

Pelajar PPSTM beri saingan di MIFT 10th National Food Science & Technology Competition

oleh: Dr. Noor Salihah Zakaria
Dr. Tengku Rozaina Tengku Mohamad
Dr. Azizah Mahmood
Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan



Malaysian Institute of Food Technology (MIFT) 10th National Food Science & Technology Competition telah menyaksikan penyertaan UMT dalam pertandingan tersebut. Pertandingan dwitahunan ini telah dianjurkan oleh Malaysian Institute of Food Technology (MIFT) dengan kerjasama Pusat Pengajian Biosains, Taylor's University, Bertempat di Taylor's University, Subang Jaya, Selangor pada 17 hingga 18 Mac 2017.

Seramai 21 orang pelajar Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan, (PPSTM) mewakili UMT dalam lima kategori pertandingan iaitu produk makanan inovatif, oratory dan Food Bowl Quiz bagi penyertaan pelajar prasiswazah, manakala pembentangan oral dan poster bagi penyertaan pelajar siswazah. Pertandingan ini disertai oleh 12 buah

universiti awam dan swasta seluruh negara dan pasukan UMT telah berjaya meraih dua kemenangan.

Pelajar sarjana, Hau Eng Huan, menjadi johan dalam pertandingan pembentangan poster dengan mempersembahkan kajian yang bertajuk Fish Protein Hydrolysate (FPH) from Yellowstripe Scad (*Selaroides leptolepis*) to Reduce Oil Uptake in Deep-Fried Battered Squid di bawah bimbingan pensyarah PPSTM, Dr. Mohamad Khairi bin Mohd Zainol. Manakala untuk pertandingan produk makanan inovatif, pasukan UMT telah berjaya mendapat tempat kedua menerusi produk *Crunchy Cucuvoury* iaitu kerepek timun berkhasiat dan lazat disaluti sambal ikan selayang. Persaingan sengit berlaku dalam pertandingan Food Bowl Quiz yang menyaksikan pasukan UMT meraih tempat keempat.

1 Hau Eng Huan,
johan pertandingan
pembentangan poster.

2 Pemenang tempat kedua
pertandingan produk
makanan inovatif
bergambar bersama
pensyarah pengiring
Dr Yusnita Hamzah
(tengah) yang juga
mentor pertandingan.

Inovasi Bubu Pelajar PPSPA

oleh: Muhammad Haniff Mohd Yusoff,
Dr. Mohd Fazrul Hisam B. Abd. Aziz
Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur

Bubu merupakan alat menangkap ikan yang berfungsi seperti bakul untuk mengumpul ikan. Ikan akan diumpam masuk melalui laluan yang dikenali sebagai "injap" berbentuk daun yang dapat mengelirukan ikan daripada keluar semula. Umpan yang selalu digunakan adalah ikan yang berisi pejal dan tidak mudah hancur dan mempunyai bau yang kuat seperti ikan duri, ikan yu dan ikan buntal yang telah disiat kulitnya.

Pelajar Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Perikanan), Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur (PPSPA) telah didedahkan dengan teori dan praktikal berkaitan pembuatan peralatan penangkapan ikan melalui Kursus FIS 4501 (Teknologi Alatan Perikanan). Melalui kursus ini, pelajar diajar teknik dan jenis peralatan menangkap ikan seperti pukat jerut, pukat tarik, bubu dan lain-lain.

Oleh kerana tangkapan sampingan merupakan isu besar dalam pendaratan sumber perikanan, dua kriteria telah ditetapkan dalam inovasi bubu ini iaitu mengurangkan tangkapan sampingan dan memaksimumkan penggunaan bubu semasa operasi menangkap ikan.

Sebanyak 19 unit bubu telah dihasilkan dan diuji keberkesanannya di laut terbuka berhampiran Pantai Tok Jembal. Aktiviti ini secara tidak langsung memberi peluang kepada pelajar merasai pengalaman sebagai seorang nelayan komersial di samping dapat mempelajari teknik dan pengendalian alatan perikanan dengan teknik yang betul.

1 Para pelajar sedang menyiapkan bubu mengikut kreativiti mereka.

2 Pelajar sedang meletakkan umpan dan pemberat pada bubu.

3 Bubu diuji keberkesanannya di laut.



Kor SUKSIS UMT menyinar di Seminar Kor SUKSIS UA Kebangsaan

oleh: Siti Zainab Mat Zin
Pusat Pendidikan Asas dan Liberal



Tuan Haji Rafee Jusoh memberi penerangan kepada Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail ketika baginda melawat ke gerai pameran Kor SUKSIS UMT. Turut mencemar duli, Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah.

Selepas 10 tahun penubuhan Kor SUKSIS, pelbagai ilmu kepolisan telah dikongsi kepada pelatih Kor SUKSIS dalam pelbagai aspek. Ilmu dan kemahiran asas yang diperolehi sedikit sebanyak telah banyak membantu para pelatih membentuk personaliti sebagai anggota PDRM. Beberapa modul integriti, pembangunan diri, serta gerak gempur turut diaplikasikan di dalam Kor SUKSIS mengikut kesesuaian pelaksanaan di IPTA masing-masing. Selain pegawai dan anggota PDRM yang ditugaskan untuk menggerakkan Kor SUKSIS, peranan Pegawai Kehormat yang dilantik oleh Universiti dan PDRM amat besar dalam memperkasakan pasukan ini.

Untuk itu, Seminar Memperkasakan Amalan Terbaik (SMART) Kor SUKSIS menjadi medan perkongsian aktiviti-aktiviti yang pernah dijalankan oleh semua Kor SUKSIS universiti awam (UA). Dengan tema "SUKSIS Pemangkin Keselamatan Negara", seminar yang berlangsung pada 26 hingga 28 Februari 2017 ini

menghimpunkan sebanyak 17 UA bertempat di Universiti Malaysia Perlis.

Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail berkenan merasmikan seminar ini. Antara aktiviti yang dilaksanakan sepanjang seminar ini adalah pembentangan dari semua UA yang terlibat, pertandingan video pendek serta pertandingan pameran. Turut dijemput pakar-pakar dalam bidang berkaitan bagi memberi rangsangan kualiti pelaksanaan program yang dapat memberi impak kepada PDRM, universiti dan komuniti.

Penyertaan Kor SUKSIS dalam seminar ini ternyata tidak sia-sia apabila berjaya meraih pingat perak dalam pertandingan video pendek dan pertandingan pameran yang turut diadili oleh Raja Muda Perlis. UMT telah menghantar 4 orang Pegawai Kehormat, seorang Pegawai Penyelaras, dua orang Jurulatih dan sepuluh orang Anggota SUKSIS UMT serta membentangkan dua kertas sebagai perkongsian kepada semua UA yang hadir.

RENUNGAN

RAMADAN DAN LONJAKAN IBADAH

Dalam sebuah hadis Sahih Muslim yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud;


"Apabila datangnya Ramadan, dibuka pintu syurga dan ditutup pintu neraka, dan dibelenggu semua syaitan."

Menerusi hadis tersebut, Rasulullah SAW telah menggambarkan kepada umatnya tentang perihal penting kemunculan *Syahrul Ramadan*. Seluruh umat Islam sewajarnya mengandakan ibadah dengan penuh ketakwaan dalam pencarian *mardhatillah* (keredhaan Allah). Isyarat tersebut terpapar menerusi terminologi pintu syurga yang bermaksud pintu kerahmatan Allah terbuka seluas-luasnya. Dalam pada itu, pintu neraka yang bermaksud pintu kemaksiatan tertutup rapat. Sehingga kesemua syaitan terbelenggu, juga membawa maksud jalan ke arah kemaksiatan telahpun ditutup oleh Allah.

Dalam kesempatan tersebut, umat Islam wajar menjadikan *Syahrul Ramadan* sebagai satu lonjakan untuk melakukan pelbagai ibadah. Bukan sekadar ibadah *Syiam* (puasa) di siang hari, bahkan perlu dilanjutkan dengan ibadah *Qiam* di malamnya. Di samping itu, amalan lain seperti *infaq fi sabillillah* (menyumbang kerana Allah) wajar disuburkan. Begitu juga dengan amalan *tadarus al-Quran* dan membantu golongan marhaen *iftar* (berbuka puasa) perlu diperkasakan. Kesemua ini bagi melayakkan umat Islam dilimpahi keampunan dan kerahmatan Allah SWT setelah berjaya mewujudkan persekitaran Ramadan. Dengan lonjakan ibadah yang berterusan tersebut, akan menjadikan pencarian *Lailatul Qadar* begitu bermakna di penghujung Ramadan. Apatah lagi, kemuliaan dan kelebihan malam tersebut telah dirakamkan oleh Allah di dalam al-Quran surah al-Qadr ayat 1 hingga 5, yang bermaksud;

- *"Ingatlah! Janganlah engkau (wahai Muhammad) menurut kehendaknya dan (sebaliknya) sujudlah dan dampingkanlah dirimu kepada Allah (dengan taat dan beramal soleh)!"*
- *Sesungguhnya Kami telah menurunkan (Al-Quran) ini pada Malam Lailatul-Qadar,*
- *Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui apa dia kebesaran Malam Lailatul-Qadar itu?*
 - *Malam Lailatul-Qadar lebih baik daripada seribu bulan.*
 - *Pada malam itu, turun malaikat dan Jibril dengan izin Tuhan mereka, kerana membawa segala perkara (yang ditakdirkan berlakunya pada tahun yang berikut)".*


oleh: Dr. Firdaus Khairi Abdul Kadir
Pengarah Pusat Islam Sultan Mahmud, UMT



**Study in Australia
Internationalisation of Victorian
Universities**

Author:
Siti Falindah Padlee

ISBN: 978-967-0962-71-9



**Usahawan Desa di Pinggir Tasik
Kenyir**

Pengarang:
Muhammad Abi Sofian
Abdul Halim
Zuhra Rosufila Abu Hasan
Noor Fadhiha Mokhtar


ISBN: 978-967-0962-79-5



**MISBAHA
Putera Jalan Tok Lam
Tokoh Persuratan,
Keagamaan, Kebajikan dan
Pensejarahan Terengganu**

Pengarang:
Hamdan Aziz
Mohd Komarul Aripin Ismail

ISBN: 978-967-0962-73-3



**Inaugural Lecture
Universiti Malaysia Terengganu**

From Fuzzy Sets to Fuzzy Multi-Criteria Decision Making

Author:
Mohd Lazim Abdullah


ISBN: 978-967-0962-80-1



Bahasa Mandarin II

Pengarang:
Nurul Ain Chua Abdullah


ISBN: 978-967-0962-87-0



**Psikologi Personaliti
Perspektif Freud dan Al-Mandili**

Pengarang:
Nurul Hidayah Wahab
Azlina Abu Bakar


ISBN: 978-967-0962-82-5



Islam dan Ekonomi Edisi Kedua

Pengarang:
Asyraf Hj. Ab Rahman
Fadzli Adam

ISBN: 978-967-0962-88-7



**Introduction to Advanced
Biostatistics**

Author:
Sabri Ahmad

ISBN: 978-967-0962-83-2